

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(VII)22**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PANTAI JEREJAK  
YB. DATO SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL**

22. Apakah perancangan menangani masalah banjir bagi kawasan KADUN Pantai Jerejak?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

22. Bagi menangani masalah banjir di KADUN Pantai Jerejak, Kerajaan Negeri akan melaksanakan Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Bayan Baru yang bernilai RM20 juta. Projek ini merupakan salah satu daripada Projek Impak Tinggi (*High Impact Project*) yang dilaksanakan menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri. Projek ini dijangka diberi milik tapak pada 10 Ogos 2018 bagi membolehkan kerja-kerja untuk dimulakan. Skop kerja yang terlibat di bawah projek ini adalah seperti berikut :

- (i) Bagi menangani masalah banjir di KADUN Pantai Jerejak, Kerajaan Negeri akan melaksanakan Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Bayan Baru yang bernilai RM20 juta. Projek ini merupakan salah satu daripada Projek Impak Tinggi (*High Impact Project*) yang dilaksanakan menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri. Projek ini dijangka diberi milik tapak pada 10 Ogos 2018 bagi membolehkan kerja-kerja untuk dimulakan. Skop kerja yang terlibat di bawah projek ini adalah seperti berikut :-
- (ii) Membina parit monsoon baru (*Collector Drain*) sepanjang 1,250m daripada Olive Tree Hotel ke Balai Bomba berhampiran Sg. Keluang;

- (iii) Menaik taraf *crossing* sedia ada di 5 lokasi (*pipe jacking*) – 140m sepanjang jajaran baru *collector drain* dan *road side drain*;
- (iv) Pembinaan 1 rumah pam baru berkapasiti 12m<sup>3</sup>/s ( 4nos @3m<sup>3</sup>/s) di belakang Balai Bomba Bayan Baru; dan
- (v) Pengalihan utiliti.